

# Mahathir ulangi pendirian berkecuali

JITRA, Khamis — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengulangi pendirian tidak memihak kepada mana-mana calon dalam pertandingan jawatan tertinggi Umno pada perhimpunan agung parti, November ini.

"Saya hanya berpihak kepada Umno. Orang tidak penting dan yang penting ialah Umno, parti kita," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang juga Ketua Umno bahagian berkenaan berkata, Umno mesti dipelihara, dijaga dan dipupuk supaya ia terus kuat bagi memastikan kerajaan sekarang boleh memerintah dengan berkesan.

Katanya, Barisan Nasional (BN) dapat membentuk kerajaan yang cukup kuat kerana dalam BN ada sebuah parti yang boleh menarik dan mencantumkan parti lain serta bekerjasama dengan mereka, iaitu Umno.

Beliau berkata, Umno mempunyai fungsi yang begitu penting bagi menentukan negara tidak menghadapi huru-hara sehingga Malaysia kini menjadi sebuah negara yang aman, maju dan meningkatkan kekayaannya sepanjang masa.

Menurutnya, parti kecil boleh hilang dan muncul tanpa meninggalkan sebarang kesan terhadap pemerintahan negara tetapi Umno tidak boleh menjadi lemah dan berpecah-belah kerana ia adalah tonggak BN dan pemerintahan negara.

Dr Mahathir berkata, Umno bukan menidakkan fungsi parti komponen BN seperti MCA, Gerakan dan MIC, tetapi tanggungjawabnya lebih berat kerana ia mengumpul parti lain di sekelilingnya untuk bersama mentadbir negara.

Menurutnya, Malaysia akan dihina dan dipandang rendah oleh negara lain jika kerajaan tidak berjaya memerintah dengan berkesan ke arah membangunkan negara.

"Mereka akan pandang hina selagi kita tidak boleh tunjuk Malaysia sebagai negara merdeka boleh mentadbir negara dengan sempurna dan dapat membangun dengan lebih baik dan lebih maju daripada zaman kita diperintah oleh orang asing," katanya.

Mengenai tanggungjawab perwakilan Umno bahagian ke perhimpunan agung parti, Presiden Umno itu menasihatkan mereka menjadi perwakilan kerana parti dan bukan untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri.